

Policy

Administrative Policy

Bahasa Malaysian translation from English original



Tatakelakuan

Semua unit

Misi KONE ialah untuk memperbaiki aliran kehidupan bandar. Visi kami ialah untuk menyampaikan pengalaman Aliran Insan MANUSIA, memberikan kemudahan dan keberkesan dan pengalaman kepada para pengguna dan pelanggan meliputi penuh kitaran hidup bangunan. Perniagaan kita berdasarkan kejujuran, integriti dan keadilan. Ini bukan sahaja apa yang dijangkakan oleh para pelanggan dan rakan niaga ke atas kita, tetapi ia juga cara kita mewujudkan persekitaran kerja yang baik untuk semua orang di KONE.

Tatakelakuan ini menjelaskan cara kita menjalankan perniagaan kita dengan cara bertanggungjawab dan beretika untuk memenangi dan mengekalkan kepercayaan pelanggan. Ia juga direka untuk membantu para pekerja membuat keputusan yang betul dalam persekitaran kerja sehari-hari bagi seluruh operasi global KONE. Tatakelakuan menetapkan kelakuan yang dijangkakan daripada para pekerja KONE dan syarikat KONE manakala juga menangani tingkah laku yang tidak dapat diterima.

Semua pekerja KONE harus membaca, memahami dan mematuhi polisi yang ditetapkan di bawah. Tata kelakuan ini diguna pakai di seluruh KONE, termasuk semua anak syarikat, cawangan dan entiti lain di mana KONE mempunyai kawalan ke atas pengurusan.

Tatakelakuan ini boleh didapati di laman sesawang kami www.kone.com.

1. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN MASYARAKAT

KONE komited terhadap pematuhan sepenuhnya terhadap semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai. Tatakelakuan ini bukan pengganti mahupun dianggap sebagai menggantikan undang-undang dan peraturan tempatan. Tatakelakuan ini mewakili prinsip dan standard tingkah laku yang tidak bercirikan undang-undang.

KONE mesti peka terhadap norma dan amalan budaya lazim di setiap negara yang ia menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun, jika norma dan amalan budaya tersebut bercanggah dengan semangat Tatakelakuan ini, maka Tatakelakuan ini harus dipatuhi. Jika berasa ragu-ragu, para pekerja harus mendapatkan panduan lanjut daripada Fungsi Pematuhan KONE.

2. PERSEKITARAN KERJA

KONE berusaha untuk mewujudkan dan mengekalkan persekitaran di mana setiap pekerja dinilai sebagai seorang individu dan boleh bekerja sepenuh potensinya.

KONE menghormati hak asasi manusia seperti yang ditetapkan dalam Deklarasi Universal Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Hak Asasi Manusia dan hak buruh asas seperti yang ditetapkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Dalam konteks aktivitinya, KONE menghormati kebebasan berpersatuan dan hak terhadap perundingan bersama. Terutama dimana hak sedemikian disekat oleh undang-undang tempatan, KONE menggalakkan para pekerja untuk berdialog dengan pihak pengurusan dan melaporkan sebarang runutan.

Administrative Policy

Bahasa Malaysian translation from English original



2.1 Tanpa Diskriminasi

Semua kakitangan KONE harus dilayan secara adil dan sama rata oleh pihak pengurusan serta rakan sekerja. KONE komited terhadap polisi peluang saksama yang melarang apa jua jenis diskriminasi. Kepelbagaiannya digalakkan dan dihargai.

Semua keputusan mengenai pekerja individu harus berdasarkan merit, sebagai contoh keupayaan, kecekapan, kemahiran dan pencapaian. Dalam membuat keputusan, tiada sebarang perkaitan dengan jantina, usia, agama, status perkhawinan, orientasi seksual, pendapat politik atau asal-usul negara atau ciri-ciri menyerupai bagi pekerja. Objektif dan niat KONE adalah untuk menempatkan pekerja di tempat yang bersesuaian mengikut kebolehan mereka.

2.2 Keselamatan dan Kesihatan

Setiap pekerja KONE berhak kepada persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Setiap pekerja KONE bertanggungjawab bagi

- mematuhi arahan keselamatan dan proses KONE,
- menggunakan alat perlindungan peribadi dan
- membetulkan pelencongan yang dikenal pasti daripada proses keselamatan KONE.

Semua pekerja KONE digalakkan untuk melaporkan isu keselamatan yang menjelaskan pekerja KONE yang lain atau penggunaan peralatan KONE kepada pegawai atasan atau Pengurus Keselamatan unit. Isu ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Polisi Keselamatan KONE.

2.3 Kebebasan daripada Tingkah Laku Tidak Wajar dan Gangguan Seksual

KONE percaya bahawa setiap pekerja berhak untuk bebas daripada pencabulan kewibawaan peribadi. Sebarang jenis gangguan, tanpa mengambil kira niat, secara langsung atau tidak langsung, fizikal atau lisan, adalah dilarang. Tingkah laku yang tidak menyenangkan atau mengganggu tidak akan diterima.

Perkara di atas lebih behubung kait dengan gangguan seksual oleh mana-mana pihak, termasuk pegawai atasan, rakan sekerja, pelanggan atau pembekal – ini tidak akan diterima dalam apa jua keadaan. Gangguan seksual mungkin muncul dalam bentuk tingkah laku seksual yang tidak diingini atau komen seksual semasa atau selepas waktu bekerja. Walau bagaimanapun, KONE tidak dapat memberi tindak balas terhadap gangguan yang tidak diketahuinya. Mangsa atau pemerhati tingkah laku yang mereka percaya merupakan gangguan adalah digalakkan untuk menghubungi Sumber Manusia tempatan mereka atau Fungsi Pematuhan KONE.

2.4 Buruh Paksa atau Kanak-kanak

KONE tidak menggunakan buruh paksa atau kanak-kanak, maupun mengikat kontrak dengan pembekal atau kontraktor yang menggunakan perkhidmatan mereka.

Administrative Policy

Bahasa Malaysian translation from English original



2.5 E-mel dan Sumber Komputer

Sekali sekala para pekerja boleh menggunakan komputer dan alat komunikasi yang disediakan oleh KONE termasuk sistem e-mel, bagi perkara peribadi tetapi penggunaan peribadi harus pada tahap yang minimum. Semua alat komunikasi dan komputer KONE harus digunakan secara bertanggungjawab, profesional dan mengikut polisi syarikat. Alat komunikasi dan komputer KONE tidak harus digunakan sama sekali untuk aktiviti haram, penipuan atau berniat jahat, mahupun untuk komunikasi atau menyimpan bahan tidak menyenangkan, lucu (cth., pornografi) atau politik.

3. PERSAINGAN YANG ADIL

Undang-undang persaingan dan Polisi Pematuhan Persaingan KONE melarang perbincangan, komunikasi, perjanjian dan persepakatan dengan pesaing berkenaan harga, polisi menetapkan harga, diskau, promosi, terma dan syarat jualan, belian, pasaran kawasan, kos pengeluaran, pengedaran dan lain-lain. Walau bagaimanapun, jualan alat ganti dan jualan dan belian lain daripada pesaing berhubung dengan urusan biasa perniagaan adalah secara semula jadi sah dan dapat diterima.

Perbincangan dengan pesaing harus diadakan melalui forum yang sah, seperti persatuan industri antarabangsa dan tempatan. Walau bagaimanapun, tajuk perbincangan tidak harus sama sekali membincangkan isu-isu yang boleh dianggap mencabuli undang-undang persaingan.

Isu ini dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Polisi Pematuhan Persaingan KONE.

4. PERSEKITARAN DAN KELESTARIAN

Kelestarian termasuk tanggungjawab bagi ekonomi, kesan persekitaran dan sosial daripada operasi KONE.

KONE menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian berprestasi tinggi yang bertanggungjawab, berkesan dari sudut persekitaran dan selamat. KONE berusaha untuk terus memperbaiki perkhidmatan dan penyelesaian seperti itu dengan mengambil kira persekitaran dan keselamatan.

Para pekerja KONE mempunyai tanggungjawab untuk mempertimbangkan kesan ke atas persekitaran dalam apa jua yang dilakukannya. Setiap pekerja KONE mesti secara aktif mencari jalan untuk bekerja dengan pembekal dan pelanggan KONE untuk mencegah atau mengurangkan sisa dan bahan cemar yang berkaitan dengan operasi perniagaan.

5. PEMASARAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

Kenyataan, komunikasi, perwakilan dan pensijilan yang disediakan kepada pelanggan dan rakan niaga haruslah benar dan betul. KONE tidak memperkecil sebarang produk, perkhidmatan atau pekerja pesaingnya.

Semua produk kita mesti mematuhi semua peraturan yang berkenaan yang mengawal kualiti dan keselamatan serta janji yang kita buat mengenainya.

Administrative Policy

Bahasa Malaysian translation from English original



6. RISIKO DAN KONFLIK

6.1 Percanggahan Kepentingan

KONE mengharapkan pekerjanya setia dan membuat keputusan perniagaan demi kepentingan KONE. Pekerja KONE mesti mengelakkan semua percanggahan konflik iaitu situasi di mana kepentingan peribadi mereka mungkin atau kelihatan bercanggah dengan kepentingan KONE. Percanggahan kepentingan boleh berlaku, sebagai contoh, apabila:

- saudara rapat seorang pekerja ialah seorang pembekal, pelanggan atau pesaing KONE atau pekerja syarikat tersebut
- seorang pekerja atau saudara rapat seorang pekerja mempunyai kepentingan besar dalam syarikat yang menjalankan perniagaan dengan KONE
- seorang pekerja mempunyai pekerjaan di luar atau aktiviti lain dengan syarikat yang bersaing atau yang menjalankan perniagaan dengan KONE
- seorang pekerja mempunyai hubungan peribadi dengan rakan sekerja dalam jawatan pengurusan atau bawahan secara langsung atau tidak langsung
- seorang pekerja berusaha untuk mengetengahkan kepentingan seorang rakan atau saudara dengan cara yang tidak wajar

Pekerja KONE mesti mendedahkan semua percanggahan kepentingan yang berpotensi dan sebenar secara bertulis kepada penyelia mereka dan jabatan Sumber Manusia tempatan.

6.2 Keahlian Lembaga dan Pekerjaan Luar

Mana-mana pekerja KONE yang ingin melibatkan diri dalam peluang pekerjaan luar atau mempunyai kepentingan pengurusan di luar mesti mendedahkan niat ini kepada KONE. Aktiviti seperti itu boleh diterima dengan syarat ia tidak menjelaskan tanggungjawab pekerja itu atau mewujudkan percanggahan kepentingan yang berpotensi atau jelas. Aktiviti seperti itu mesti mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada penyelia pekerja tersebut.

6.3 Pelaburan

Kakitangan mesti mengisyihar kepada KONE sebarang kepentingan kewangan, secara langsung atau tidak langsung, yang dimiliki oleh mereka atau anggota keluarga terdekat mereka dalam mana-mana syarikat atau organisasi yang bersaing dengan KONE atau yang menjalankan perniagaan dengan KONE, tidak termasuk kepentingan kewangan semata-mata dalam syarikat yang didagangkan atau disenaraikan di bursa awam.

6.4 Bayaran atau Faedah yang Tidak Wajar

KONE melaksanakan toleransi sifar terhadap rasuah, sama ada dalam sektor awam atau swasta. Rasuah, hadiah, bantuan atau bayaran, secara langsung atau tidak langsung tidak boleh diberikan kepada atau untuk faedah mana-mana pihak ketiga (termasuk mana-mana wakil atau kakitangan kerajaan, kesatuan sekerja, pelanggan atau pembekal semasa atau prospektif atau wakil atau pekerja mereka) bagi tujuan memperoleh faedah dalam apa jua bentuk dengan cara yang tidak wajar, mahupun mana-mana pekerja KONE menerima bayaran, hadiah, bantuan atau faedah yang tidak wajar daripada sebarang sumber sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Administrative Policy

Bahasa Malaysian translation from English original



6.5 Perniagaan Hadiah dan Hospitaliti Korporat

Hadiah perniagaan dan hospitaliti korporat boleh ditawarkan dan diterima sebagai tindakan sopan yang membantu memupuk hubungan antara pihak, dengan syarat ia mematuhi undang-undang yang berkenaan dan tidak melanggar Tatakelakuan ini.

Hadiah perniagaan yang sederhana dengan nilai yang berpatutan boleh diterima dan diberikan. Hadiah dan faedah yang tidak berpatutan dari segi sifat, kekerapan atau nilai adalah dilarang.

Hadiah tunai dalam apa juar jumlah dan mata wang, tidak boleh diterima atau diberikan. Hiburan berkaitan perniagaan yang berpatutan dan hospitaliti korporat lain boleh diterima sekiranya ia satu kelaziman. Hiburan seperti itu termasuk, sebagai contoh, majlis resepsi atau sosial yang dihadiri untuk kepentingan KONE. Oleh itu pekerja KONE boleh menerima pelawaan makan perniagaan yang sesuai daripada pembekal, penyedia khidmat atau entiti yang sedang berusaha menjalankan perniagaan dengan KONE. Apabila menghiburkan pelanggan kita, wakil KONE mesti sentiasa hadir.

Hadiah perniagaan dan hospitaliti korporat

- tidak harus mempengaruhi keputusan perniagaan pekerja KONE
- tidak harus membuat seseorang pekerja atau KONE terhutang budi
- harus mewakili kesopanan perniagaan yang lazim
- berpatutan dari segi nilai dan kekerapan
- tidak harus ditawarkan untuk memperoleh kelebihan yang tidak sewajarnya
- tidak harus diterima jika sifat, nilai atau masa faedah atau hospitaliti korporat yang ditawarkan atau diterima boleh menimbulkan syak dalam mempengaruhi keputusan perniagaan atau kelulusan pihak berkuasa secara tidak wajar.

Jika seseorang pekerja KONE ditawarkan atau menerima permintaan untuk sebarang hadiah atau hiburan yang melanggar peraturan ini, dia mesti memaklumkan pengurusnya tanpa berlengah.

Prinsip-prinsip di atas juga diguna pakai untuk hadiah perniagaan dan hospitaliti korporat yang ditawarkan kepada anggota keluarga pekerja KONE berhubung dengan perniagaan KONE.

Garis panduan tempatan yang lebih terperinci boleh diguna pakai terhadap pekerja KONE di negara atau kawasan/fungsi perniagaan tertentu.

6.6 Anti penipuan

Dana dan harta syarikat mesti sentiasa digunakan dengan cara yang bertanggungjawab dan bagi tujuan yang dicadangkan dan sah. Sebarang maklumat yang diberikan kepada KONE semasa meminta pembayaran balik atau pampasan kos, faedah atau kelulusan kerana menggunakan harta KONE mesti sentiasa tepat dan boleh dipercayai. Sebarang jenis pencurian, penipuan, penyelewengan atau penyalahgunaan harta KONE adalah dilarang.

Administrative Policy

Bahasa Malaysian translation from English original



6.7 Sumbangan dan Aktiviti Politik

KONE menghormati dan menghargai kebebasan setiap pekerja KONE untuk memilih pandangan politik. Walau bagaimanapun, untuk memastikan rakan sekerja tidak tersinggung dengan kakitangan KONE yang meluahkan pandangan politik mereka, premis dan acara yang berkaitan dengan pekerjaan KONE hendaklah bebas daripada aktiviti politik dan luahan fahaman politik.

Dana dan sumber KONE tidak harus disumbangkan secara langsung atau tidak langsung kepada kempen politik, parti politik atau calon atau pegawai awam atau sesiapa yang berkaitan dengan mereka tanpa memperoleh kelulusan terlebih dahulu daripada Fungsi Undang-undang Global KONE. Pekerja KONE harus memastikan bahawa pendapat atau aktiviti politik peribadi mereka tidak mewakili KONE.

7. MENANGANI MAKLUMAT

7.1 Keselamatan Maklumat dan Hak Harta Intelek

Maklumat ialah aset korporat yang berharga. KONE menjaga kerahsiaan, kewibawaan dan ketersediaan maklumat proprietarinya. Semua pekerja KONE bertanggungjawab memberi perlindungan yang sempurna kepada aset KONE, termasuk harta intelek dan maklumat sulit. Maklumat seperti itu harus diurus, digunakan, didedahkan dan diedarkan mengikut polisi KONE yang berkenaan.

Pekerja KONE hendaklah menghormati hak harta intelek dan maklumat bukan awam pihak lain dan mengurus maklumat seperti itu mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan serta syarat-syarat kontrak.

7.2 Perlindungan Data

KONE komited untuk melindungi data peribadi. Data peribadi bermakna sebarang maklumat berhubung dengan seseorang yang dikenal pasti atau boleh dikenal pasti. Sebarang pemprosesan data pekerja, pelanggan, pembekal atau data peribadi lain di KONE mestilah sah, adil dan telus berhubung dengan individu yang berkenaan. Selain itu, data peribadi hendaklah diproses mengikut polisi, garis panduan dan perundangan KONE yang berkenaan.

7.3 Maklumat Dalam dan Perdagangan Saham

Adalah haram dan melanggar polisi KONE bagi mana-mana pekerjanya untuk mendapat keuntungan dengan menyalahgunakan maklumat yang tidak didedahkan berhubung dengan KONE atau sebarang syarikat yang berurusan dengan KONE. Menggunakan sebarang maklumat seperti itu bagi faedah mana-mana pihak ketiga turut dilarang. Sehingga didedahkan kepada orang awam, maklumat penting berkenaan KONE atau perniagaannya ialah maklumat dalam. Pekerja KONE dengan maklumat dalam tertakluk kepada undang-undang perdagangan orang dalam berhubung dengan belian atau jualan saham KONE dan komunikasi dengan orang lain mengenai perkara yang sama.

Isu ini dibincangkan dengan lebih terperinci dalam peraturan orang dalam KONE.

Policy

Administrative Policy

Bahasa Malaysian translation from English original



7.4 Pelaporan Kewangan

Semua Pelaporan Korporat KONE dalam setiap unit KONE mesti mengikuti piawaian perakaunan KONE (KAS) dan peraturan lain yang berkenaan dan tepat serta boleh dipercayai dalam semua aspek penting. Semua aset dan liabiliti KONE mesti direkodkan dengan sewajarnya dan pelaporan kewangan dan/atau rekod kewangan tidak harus mengandungi sebarang entri atau maklumat yang salah, mengelirukan atau palsu.

Semua pemfailan dan penyata kewangan berkanun serta penyata kewangan KONE yang disatukan mesti mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang berkenaan dengan jenis pelaporan tertentu.

8. PEMBEKAL DAN RAKAN NIAGA

KONE mahu menjadi rakan niaga yang menarik dan mencari hubungan yang boleh dipercayai dan adil untuk faedah bersama KONE dan pembekal, penyedia khidmat, subkontraktor dan rakan niaganya yang lain.

KONE berurusan secara adil dengan pembekal dan rakan niaganya. Tindakan yang tidak sesuai atau usaha yang tidak wajar untuk mempengaruhi keputusan bahagian pembelian KONE oleh pembekal atau rakan niaganya menjadi alasan bagi penolakan atau pemberhentian perjanjian sedia ada. KONE mengharapkan semua pembekal, pengedar dan agennya untuk mematuhi Tatakelakuan yang ditetapkan secara berasingan bagi pembekal dan pengedar.

Pengaturan rundingan dan agensi mestilah secara bertulis, berpatutan dari segi jumlahnya dan mencerminkan kerja sebenar yang dijalankan bagi pihak KONE.

9. MELAPORKAN PELANGGARAN DAN SEKATAN

KONE mempunyai polisi Toleransi Sifar bagi pelanggaran Tatakelakuan ini. Kegagalan untuk mematuhi atau mengarahkan atau memaksa pekerja lain atau pembekal atau rakan niaga KONE melanggar Tatakelakuan ini menyebabkan tindakan disiplin yang wajar akan diambil, sehingga kemungkinan pemecatan dan pembayaran ke atas kerugian. Pelanggaran tertentu yang bersifat jenayah juga boleh membawa kepada isbat jenayah.

Semua pekerja KONE bertanggungjawab melaporkan apa-apa pelanggaran sebenar atau potensi pelanggaran Tatakelakuan ini kepada pengurusan tempatan, Fungsi Undang-undang atau Fungsi Pematuhan KONE. Sebagai pilihan lain, para pekerja boleh melaporkan kebimbangan secara atas talian atau melalui panggilan telefon melalui talian Pematuhan KONE yang tersedia dalam bahasa tempatan dan boleh digunakan secara tanpa nama yang dibenarkan menurut undang-undang tempatan. Lihat intranet global untuk mendapatkan butiran hubungan.

Kesemua komunikasi berhubung dengan pelanggaran Tatakelakuan yang sebenar atau potensi pelanggaran akan dirahsiakan di mana mungkin. KONE tidak bertoleransi terhadap apa-apa bentuk tindakan balas terhadap mana-mana individu yang melaporkan pelanggaran Tatakelakuan ini dengan jujur. Tindakan menghalang seseorang pekerja daripada melaporkan pelanggaran Tatakelakuan ini adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan disiplin.

Administrative Policy

Bahasa Malaysian translation from English original



10. PERTANYAAN DAN NASIHAT

Mana-mana pekerja yang mempunyai kebimbangan berkenaan pematuhan, atau ada pertanyaan berkenaan Tatakelakuan ini digalakkan untuk berbincang dengan penyelia beliau atau pengurusan tempatan atau berhubung terus dengan Fungsi Pematuhan KONE atau jabatan undang-undang atau Sumber Manusia tempatan atau global untuk mendapatkan bantuan.